

Kedai makan masih boleh beroperasi

Hanya dibenarkan bungkus makanan kepada pelanggan

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Restoran dan kedai makan boleh meneruskan operasi mereka ketika negara mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan bermula tengah malam tadi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Alexan-

der Nanta Linggi bagaimanapun berkata, pelanggan hanya dibenarkan membungkus atau membuat permintaan penghantaran makanan mereka ke tempat masing-masing.

"Kita galakkan pemilik restoran membuat perkhidmatan penghantaran bagi memudahkan orang awam," katanya.

Menurutnya, jarak sosial yang selamat antara individu merupakan kunci utama pelaksanaan perintah tersebut.

"Pasar malam tidak dibenarkan beroperasi kerana ia mengundang ramai orang," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan cawangan Tealive di kementeriannya di sini semalam.

Beliau juga memberi jaminan bahawa bekalan makanan mencukupi bagi menampung keperluan rakyat.

Dalam pada itu, Pemilik Restoran Hakim Sdn Bhd di Shah Alam, Datuk Hakimsa Abdul Karim berkata, beliau akan akur dengan arahan yang dikeluarkan kerajaan.

"Kami masih lagi beroperasi selama 24 jam tetapi kita hanya benarkan pelanggan untuk membungkus makanan dangunakan perkhidmatan Food Panda serta GrabFood," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, tahap kebersihan di kedai juga akan diperketatkan dengan memastikan semua peralatan dicuci bersih.



Pemilik restoran Hakim di Shah Alam, Datuk Hakimsa Abdul Karim (kanan) semalam menampal notis pemberitahuan di restorannya berkaitan operasi perniagaan yang diteruskan seperti biasa tetapi hanya boleh dibungkus.

FOTO: BERNAMA

HARI : RABU
TARIKH : 18/3/2020
M/SURAT : 6